

Lebih 1,000 lokasi World #QuranHour

**PPAS, 23 jabatan
jayakan program
di Selangor**


SHAH ALAM

Perbantuan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS) bersama 23 jabatan dan agensi akan mengadakan program World #QuranHour di lebih 1,000 lokasi sekitar negeri ini pada 7 Jun ini.

Pengarah PPAS, Mastura Muhamad berkata pada tahun ini, penyertaan jabatan dan agensi untuk mengadakan program berinteraksi dengan al-Quran tahun ini semakin bertambah.

"Kesemua wakil telah hadir dalam mesyuarat Pelarasan Program World #QuranHour 2018 di Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam, semalam.

"Mereka telah diberi taklimat oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Warisan Ummah Ikhlas, Marhaini Yusoff untuk penghayatan program berinteraksi dengan al-Quran dalam mem-



Wakil dari jabatan dan agensi yang hadir dalam mesyuarat Pelarasan Program World #QuranHour 2018, semalam.

bina masyarakat penyayang," katanya.

Beliau menambah, pihak yang terlibat perlu menggunakan kreativiti untuk menarik minat orang ramai menyertai kempen World #QuranHour, Sejam Bersama Al-Quran, seperti mengedarkan plakard dan risalah berkaitan program tersebut.

"Al-Quran menjadi panduan dalam kehidupan manusia dan

penyelesai segala masalah termasuk diri, keluarga, kerjaya masyarakat mahupun negara.

Namun al-Quran itu perlu difahami dengan cara bertadabbur.

"World #QuranHour menjadi pencetus kepada masyarakat untuk kembali kepada al-Quran dengan baca, faham dan amal. Seterusnya, mereka akan berinteraksi dengan al-Quran setiap

hari secara berterusan.

"Saya berharap masyarakat lebih menghayati al-Quran. Dengan ini, ia memberi impak kepada pembangunan negara berkebejangan," katanya.

Antara jabatan dan agensi yang terlibat termasuk institusi pendidikan tinggi, pihak berkuasa tempatan (PBT), perpustakaan, pejabat kerajaan dan lain-lain jabatan.

info

1. Politeknik Banting
2. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
3. Kolej Komuniti Banting
4. ADTEC Shah Alam
5. Perpustakaan SUK Selangor
6. Perpustakaan Anggerik Vanilla, MBSA
7. Perpustakaan MBPJ

*Tujuh PBT seperti MDHS, MBSA, MPS, MDKS, MDHS, MDKL, MPAU

*Tiga Pejabat Tanah dan Daerah iaitu Sepang, Petaling dan Hulu Selangor

LAIN-LAIN JABATAN

1. Tuorism Selangor
2. Yayasan Selangor
3. BTPN
4. JPNS
5. Korporat SUK Selangor

